Utusan Borneo: 13 November 2026

# Remaja Indonesia masuk secara haram, kendali mesin judi dipenjara empat bulan

**KUCHING:** Seorang remaja Indonesia berusia 18 tahun dihukum penjara empat bulan dan dikenakan satu sebatan serta denda RM10,000 akibat memasuki Malaysia secara haram serta mengendalikan mesin perjudian pada minggu lalu.

Bagi kesalahan imigresen iaitu memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah, Hakim Mahkamah Sesyen Mursyida Abd Halim menjatuhkan hukuman penjara empat bulan dan satu sebatan terhadap remaja lelaki itu.

Remaja itu mengaku bersalah sebaik dia didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 6(3) akta sama.

Dalam prosiding berasingan, Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM10,000 atau sebulan penjara sekiranya gagal membayar denda terhadap tertuduh.



**DUA KESALAHAN: Tertuduh (kanan) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret Kuching selepas dijatuhkan hukuman semalam.**

Hukuman itu dijatuhkan selepas tertuduh mengaku bersalah mengikut Seksyen 4B(a) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 kerana mengendalikan mesin perjudian.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-dua hukuman penjara dikuatkuasakan pada tarikh dia disabitkan kesalahan semalam.

Tertuduh juga diperintah untuk diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk tujuan pengusiran selesai menjalani hukuman.

Fakta bagi kedua-dua kes mendedahkan polis membuat serbuan terhadap sebuah kedai tidak bernama di Jalan Semarak di sini pada 3 November lalu sekitar jam 3.40 petang dan menahan tertuduh kerana disyaki menjalankan aktiviti perjudian dalam talian.

Polis turut merampas beberapa barangan yang digunakan dalam aktiviti tersebut iaitu sebuah telefon pintar dan wang tunai berjumlah RM440.

Hasil siasatan mendapati tertuduh gagal mengemukakan permit atau dokumen perjalanan yang sah ketika diperiksa.

Malah, pakar judi turut mengesahkan telefon pintar jenama yang dirampas daripada tertuduh adalah satu mesin judi sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2 Akta Rumah Judi Terbuka 1953.